



BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA

CIRCULAR BQSM NO 3/1993

Pengecualian Cukai Perkhidmatan

Sukacita diberitahu bahawa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia telah memberi penjelasan mengenai pengecualian Cukai Perkhidmatan melalui surat Ruj. KE.HF (11) 664/01(A)/Klt. 7 (69) bertarikh 16 September 1993 seperti berikut:

A. PENDAHULUAN

Pada dasarnya, Kementerian Kewangan telah bersetuju memberi pengecualian cukai perkhidmatan kepada mana-mana projek samada projek Kerajaan atau Swasta yang telah ditandatangani sebelum 1.1.1992, tertakluk kepada pengesahan dokumen yang sah oleh Jabatan Kastam.

Sebelum ini, bayaran iktisas yang diterima selepas tarikh tersebut akan dikenakan cukai perkhidmatan.

B. SYARAT-SYARAT PENGEQUALIAN

- 2. Pengecualian ini tidak diberi secara automatik dan hendaklah dipohon untuk tiap-tiap projek yang berkenaan.*
- 3. Permohonan pengecualian cukai hendaklah dipohon sendiri oleh Klien/ Tuan Punya projek. Pihak perunding dibenar membuat permohonan bagi pihak Klien/ Tuan Punya projek dengan syarat ianya disertakan dengan Surat Perakuan dari Klien/ Tuan Punya projek tersebut.*

4. *Pemohon hendaklah melampirkan butir-butir seperti berikut:*

- a) *Nama Projek*
- b) *Nama dan Alamat Juruperunding*
- c) *Jenis Perkhidmatan*
- d) *Nombor Kontrak (jika ada)*
- e) *Tarikh Kontrak ditandatangani*
- f) *Nilai Kontrak Khidmat Runding*
- g) *Amaun cukai terlibat (anggaran)*

5. *Sila sertakan bersama salinan asal atau salinan diakui sah Surat Perjanjian / Kontrak berkenaan.*

6. *Semua permohonan hendaklah dialamatkan kepada:*

*Ketua Pengarah Kastam
Bahagian Cukai Dalam
Cawangan Cukai Perkhidmatan
Kastam & Eksais DiRaja Malaysia
Tingkat 6, Blok 11, Kompleks Bangunan Kerajaan
Jalan Duta, 50596 Kuala Lumpur.*

C. CATATAN

7. *Permohonan tidak layak untuk dipertimbangkan untuk:*

- a) *Surat lantikan atau tawaran kepada khidmat Juruperunding sebelum 1.1.92 tetapi kontrak ditandatangani selepas 1.1.92.*
- b) *Khidmat runding tambahan selepas 1.1.92 yang tidak termaktub dalam perjanjian asal.*

8. *Bayaran cukai perkhidmatan adalah dikenakan setelah diterima bayaran dari Tuan Punya projek dan sekiranya bayaran diatas bil hanya dibuat sebahagian sahaja, maka cukai perkhidmatan hendaklah diambilkira berdasarkan amaun yang telah diterima dari Tuan Punya projek.*

9. *Jika perunding melantik perunding kecil untuk sebahagian perkhidmatan, perunding kecil itu juga dikenakan cukai perkhidmatan diatas amaun yang diterima sekiranya mereka mempunyai lesen mengutip cukai perkhidmatan.*

10. *Sekiranya pengecualian diluluskan tetapi bayaran cukai perkhidmatan telah pun dibuat untuk projek tersebut, perunding bolehlah memohon untuk membuat penolakan bagi cukai perkhidmatan bagi projek lain yang dilantik selepas 1.1.1992.*

D. PERTANYAAN


11. *Sebarang masalah spesifik atau pertanyaan bolehlah dirujuk kepada Cawangan Cukai Perkhidmatan alamat seperti di atas dan No. talipon ialah 2546088, 2549088 dan No. Fax 2542709.*

Diharap penjelasan diatas akan dapat membantu tuan-tuan untuk mendapat pengecualian cukai perkhidmatan bagi projek-projek yang telah dilantik sebelum 1.1.1992.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



*(Dato' Abdul Rahman bin Abdullah)
Yang Di Pertua
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia*